# Tempahan Khas (Tempahan Rombongan)

**1. Terma dan Syarat**

1.1 Pelanggan mesti mendaftar KITS di laman sesawang KTMB untuk memohon tempahan khas.

1.2 Borang permohonan perlu dihantar sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh perjalanan.

1.3 Perkhidmatan tren untuk tempahan khas:

i. ETS
Laluan: Gemas – KL Sentral – Ipoh – Butterworth – Padang Besar

ii. KTM Intercity
Laluan: JB Sentral – Gemas – Kuala Lipis - Gua Musang - Tumpat

1.4 Tempahan khas tidak dibenarkan untuk perkhidmatan tren khas.

1.5 Minimum 9 tiket dan maksimum 80 tiket per tren.

1.6 Caj pentadbiran

a) RM1.00 per tiket untuk tempahan yang berjaya
b) Bayaran melalui KTM Wallet
c) Tidak dikembalikan atas apa jua sebab.
d) Tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih awal.

1.7 Emel notifikasi akan dihantar kepada pelanggan sekiranya tempahan khas mereka berjaya.

1.8 Pembayaran tiket dalam tempoh tujuh hari dari tarikh emel notifikasi:

a) Kutipan dan bayaran tiket melalui laman web KTMB antara jam 12.15 pagi hingga 11.00 malam.
b) Pembayaran melalui KTM Wallet.
c) Pelanggan mesti memastikan KTM Wallet mencukupi sebelum membuat bayaran.
d) Tempahan khas akan dibatalkan secara automatik selepas tujuh hari

1.9 Disebabkan gangguan emel atau kegagalan sistem atau apa-apa sebab, KTMB tidak akan bertanggungjawab sekiranya,

a) KTMB tidak menerima borang permohonan, atau
b) KTMB tidak menerima butiran tempahan, atau
c) Tempahan khas yang berjaya telah dibatalkan secara automatik.

1.10 Tempahan khas tidak dibenarkan untuk tarikh perjalanan semasa musim perayaan.

1.11 Pindaan tidak dibenarkan untuk tempahan yang telah berjaya,samada tarikh perjalanan, jumlah tiket, stesen origin dan destinasi, jenis tiket atau lain-lain butiran.

1.12 Terma dan syarat tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal.

**2. Prosedur**

2.1 Pelanggan menyerahkan borang permohonan

a) Melalui emel ke tempahankhas@ktmb.com.my , atau
b) Serahan tangan ke Jabatan Perkhidmatan Antarabandar, KTM Berhad, KL Sentral.

2.2 KTMB mengaktifkan akaun KITS pelanggan untuk membolehkan tempahan khas.

2.3 Pelanggan login akaun KITS di laman web KTMB dan masukkan butiran tempahan.

2.4 Tempahan tempat duduk oleh KTMB (tertakluk kepada kekosongan tempat duduk)

2.5 Pelanggan menerima emel notifikasi "***KITS Special Booking – Pending Payment".***

2.6 Pelanggan login akaun KITS di laman web KTMB untuk bayaran tiket.

2.7 Pelanggan mesti memastikan butiran penumpang dan nombor PNR tiket konsesi adalah betul.

**3. Lain-lain**

3.1 Tiket yang dibeli melalui tempahan khas tertakluk kepada ***Syarat-syarat Pengangkutan Untuk Penumpang KTMB*** serta ***Terma dan Syarat Tiket ETS, KTM Intercity dan Shuttle Tebrau.***

3.2 Sila hubungi Unit Khidmat Pelanggan di 03-22671200 atau emel ke callcenter@ktmb.com.my untuk maklumat lanjut:

a) Pendaftaran KITS
b) KTM Wallet
c) Pendaftaran konsesi
d) Jadual waktu tren, tambang tiket atau kekosongan tempat duduk

| TEMPAHAN KHAS (TEMPAHAN ROMBONGAN) | | |
|---|---|---|
| 1. | **Tarikh** | |
| 2. | **Nama*** | |
| 3. | **Emel*** | |
| 4. | **No. Tel *** | |
| 5. | **No. PNR*** | |
| 6. | **KTM Wallet (RM)*** | |
| 7. | **Tarikh Perjalanan** | |
| 8. | **Origin & Destinasi** | |
| 9. | **Jumlah tiket** | |
| 10. | **No.Tren**** | |
| 11. | **Jenis Koc / Kelas**** | |

***Nota***

*** / ** Rujuk akaun KITS atau hubungi Unit Khidmat Pelanggan 03-22671200 atau rujuk kaunter tiket untuk info lanjut**

a) Borang permohonan mesti dihantar melalui emel tempahankhas@ktmb.com.my atau serahan ke Jabatan Perkhidmatan Antarabandar, KL Sentral sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh perjalanan.
b) Sila lampirkan senarai penumpang (jika ada)
c) Sediakan borang berasingan untuk tarikh perjalanan atau stesen origin dan destinasi berbeza
d) Minimum 9 tiket dan maksimum 80 tiket per tren
e) Tempahan khas tidak dibenarkan untuk tarikh perjalanan semasa musim perayaan.
f) KTMB berhak untuk menolak tempahan khas yang tidak mematuhi terma dan syarat atau sebarang sebab lain tanpa notis awal.
g) Tidak dibenarkan menjual semula tiket secara individu dalam mana-mana medium pasaran. (tindakan undang-undang akan diambil tertakluk Akta 715, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010)

| * | | |
|---|---|---|
| 1. | **Nama Kakitangan** | |
| 2. | **Tarikh Borang Diterima** | |
| 3. | **Kaedah Permohonan** | ☐ **Emel** ☐ **Serahan Tangan** |
| 4. | **Tarikh PNR diaktifkan** | |